

13 MAY 2004

PLKN: BELIA YANG TIDAK LAPOR DIRI DIBERI PELUANG KEDUA

BANGI, 13 Mei (Bernama) -- Hampir 10,000 belia yang gagal melaporkan diri untuk sesi pertama Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) akan diberi lanjutan tempoh selama dua minggu untuk mendapat pengecualian atau menyertai program itu.

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) Kol. Prof. Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, tempoh dua minggu itu akan diumumkan melalui surat khabar selepas mesyuarat MLKN pada 25 Mei ini yang akan dipengerusikannya.

Golongan berkenaan dikehendaki melaporkan diri di Pejabat Pendidikan Daerah dalam tempoh dua minggu itu, kata Ahmad Fawzi yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia pada sidang media sempena Siri Simposium Berkala II Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Senarai muktamad peserta itu, tempat dan tarikh kursus akan diumumkan menerusi akhbar selepas tempoh lanjutan itu, katanya.

Pada mesyuarat itu, MLKN juga akan membincang isu pengangkutan dan masalah disiplin, keselamatan dan koordinasi untuk memperkemaskan lagi "sistem penyampaian" PLKN.

-- BERNAMA  
SOM AM PR